

Newspaper	Berita Harian
Date	9/4/2014

'Ubah dasar pacu inovasi'

BH-9/4/2014

» Tiga program bantu capai negara berpendapatan tinggi: TPM



Anwar Husin

anwarhussin@bh.com.my
Dubai



Muhyiddin bersalaman dengan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Brunei, Pengiran Muda Mohamed Bolkuah sewaktu tiba di Pusat Pameran dan Konvensyen Antarabangsa Dubai, semalam, bagi menghadiri Mesyuarat Pelaburan Tahunan 2014. [FOTO BERNAMA]

Bagi menjadi negara berpendapatan tinggi, Malaysia memerlukan usaha berlipat ganda untuk menarik pelaburan, memacu produktiviti dan inovasi.

"Kita yakin ekonomi Malaysia akan terus berdaya tahan"

Muhyiddin Yassin,
Timbalan Perdana Menteri

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata bagi mencapainya, kerajaan menekankan anjakan paradigma dalam dasarnya melalui pendekatan reformasi jangka panjang yang terperinci dan menyeluruh.

Katanya, Program Transformasi Ekonomi (ETP), Bidang Ekonomi Utama (NKEA) dan Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI) sedang dilaksanakan bagi mencapai maksud itu.

"Setakat ini, kita mencapai kemajuan dalam pembangunan sosial dan pertumbuhan ekonomi di bawah ETP, khususnya mewujudkan peluang baru bagi kedua-dua pelaburan asing dan tempatan," katanya dalam ucapan di Mesyuarat Pelaburan Tahunan

(AIM) 2014 di Pusat Pameran dan Konvensyen Antarabangsa Dubai, semalam.

Ia bertemakan Perkongsian Pelaburan Untuk Pertumbuhan Mapan dan Inklusif Dalam Pasaran Hadapan dan Baharu. AIM

yang bermula semalam sehingga Khamis ini menarik minat kira-kira 10,000 pelabur dari 120 negara.

AIM dirasmikan Perdana Menteri yang juga Naib Presiden Emiriah Arab Bersatu (UAE), Sheikh Mohammed Rashid Al Maktoum.

Ekonomi naik 4.7 peratus

Muhyiddin berkata, pada tahun 2013 ekonomi Malaysia berkembang 4.7 peratus walaupun pertumbuhan global sederhana.

Katanya, bagi tahun 2014

pertumbuhan ekonomi berada antara lima hingga 5.5 peratus diterajui permintaan domestik, pihak swasta yang mapan, perbelanjaan modal industri berorientasikan dalam negara serta pelaksanaan berterusan projek infrastruktur.

"Kita yakin ekonomi Malaysia akan terus berdaya tahan, disokong tahap selesa rizab, penggunaan domestik yang kukuh, kadar pengangguran rendah dan aliran masuk pelaburan asing," katanya.

Muhyiddin berkata, kepentingan pasaran melalui Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dua hala dan serantau adalah cara yang berkesan masa kini, termasuk elemen mapan dan menyeluruh ke atas pertumbuhan dan peluang pelaburan di pelbagai negara.

"Bagi negara membangun,

ada cabaran tambahan menarik FDI berkualiti tinggi di kawasan yang betul dan memastikan pelaburan diterima bersesuaian dengan agenda ekonomi.

"Tema mesyuarat ini berpadanan dengan kepentingan kerjasama dalam memacu pertumbuhan mapan dan inklusif, terutama dalam konteks pasaran baru," katanya.

Hargai bantuan cari MH370

Sementara itu, Muhyiddin turut menyampaikan ucapan terima kasih kepada UAE terhadap bantuan yang diberi kepada Malaysia dalam usaha mencari dan menyelamatkan pesawat MH370.

Difahamkan UAE menghantar dua pesawat tentera bagi membantu Malaysia dalam usaha mencari dan menyelamatkan pesawat malang itu.